9 **TANGGUNGJAWAB SOSIAL TANGGUNGJAWAB BERSAMA**	TP1	Menyatakan contoh tanggungjawab sosial dalam kehidupan bermasyarakat.	54		
	TP2	Menerangkan kepentingan melaksanakan tanggungjawab sosial dalam kehidupan bermasyarakat.	55		
	TP3	Mengaplikasi dengan menunjuk cara idea baharu untuk menggalakkan generasi muda melaksanakan tanggungjawab sosial.	57		
	TP4	Menghubung kait peranan diri individu dengan tanggungjawab sosial.	56		
	TP5	Menghayati dan mempamerkan tanggungjawab sosial menerusi aktiviti kemasyarakatan dalam kehidupan seharian.	58		
	TP6	Menghayati dan mengamalkan tanggungjawab sosial menerusi penglibatan aktiviti kemasyarakatan dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi.	58		
Tahap Penguasaan Unit 9	TP 1	TP 2	TP 3	TP 4	TP 5	TP 6
BIDANG 4: MORAL, PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG					
10 **HIDUP BERADAB CERMINAN DIRI**	TP1	Menyatakan contoh adab dalam majlis rasmi dan tidak rasmi.	60		
	TP2	Menerangkan kepentingan beradab dalam majlis rasmi dan tidak rasmi.	61		
	TP3	Menilai kesan sekiranya tidak beradab dalam majlis rasmi dan tidak rasmi.	62		

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

UNIT	STANDARD PRESTASI		HALAMAN	PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN		(✓) MENGUASAI	(✗) BELUM MENGUASAI
	TP4	Menghubung kait kesan beradab dengan tidak beradab dalam majlis rasmi dan tidak rasmi.	63		
	TP5	Menghayati dan mempamerkan adab majlis rasmi dan tidak rasmi dalam kehidupan seharian.	64, 65		
	TP6	Menghayati dan mengamalkan adab majlis rasmi dan tidak rasmi dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi.	64, 65		
Tahap Penguasaan Unit 10	TP 1	TP 2	TP 3	TP 4	TP 5 TP 6
11 **HINDARI JENAYAH KANAK-KANAK**	TP1	Menyatakan contoh jenayah juvana.	67		
	TP2	Menerangkan sebab berlakunya jenayah juvana.	68		
	TP3	Menilai kesan jenayah juvana ke atas diri, keluarga, masyarakat dan negara.	69		
	TP4	Menghubung kait kehidupan tanpa jenayah juvana dengan kesejahteraan diri, keluarga dan masyarakat.	70		
	TP5	Menghayati dan mempamerkan cara hidup tanpa jenayah juvana dalam kehidupan seharian.	71		
	TP6	Menghayati dan mengamalkan sikap antijenayah juvana dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi.	71		
Tahap Penguasaan Unit 11	TP 1	TP 2	TP 3	TP 4	TP 5 TP 6
12 **KEBEBASAN BERSUARA MENJAMIN KEMAKMURAN NEGARA**	TP1	Menyatakan contoh kebebasan bersuara.	73		
	TP2	Menerangkan keperluan kebebasan bersuara dengan batasan.	74		
	TP3	Menilai cara bagi menyuarakan pendapat melalui saluran yang betul.	75		
	TP4	Menghubung kait kesan penyalahgunaan hak kebebasan bersuara dengan keharmonian hidup bermasyarakat.	76		
	TP5	Menghayati dan mempamerkan kebebasan bersuara mengikut landasan undang-undang dalam kehidupan seharian.	77		
	TP6	Menghayati dan mengamalkan kebebasan bersuara mengikut landasan undang-undang dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi.	77		
Tahap Penguasaan Unit 12	TP 1	TP 2	TP 3	TP 4	TP 5 TP 6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

UNIT	STANDARD PRESTASI		HALAMAN	PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN		(✓) MENGUASAI	(✗) BELUM MENGUASAI
13 **AMALAN TRADISI MASYARAKAT MAJMUK**	TP1	Menyatakan contoh tradisi dalam masyarakat majmuk.	79		
	TP2	Menerangkan kepentingan tradisi dalam masyarakat majmuk.	80		
	TP3	Menilai tanggungjawab individu bagi mengekalkan tradisi dalam masyarakat majmuk.	81		
	TP4	Menghubung kait amalan tradisi masyarakat majmuk dengan perpaduan kaum.	82		
	TP5	Menghayati dan mempamerkan tradisi masyarakat majmuk dalam kehidupan seharian.	83, 84		
	TP6	Menghayati dan mengamalkan tradisi masyarakat majmuk dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi.	83, 84		
Tahap Penguasaan Unit 13	TP 1	TP 2	TP 3	TP 4	TP 5	TP 6
14 **KEMANUSIAAN ASAS KEMORALAN**	TP1	Menyatakan contoh peraturan-peraturan asas dalam undang-undang kemanusiaan antarabangsa.	86		
	TP2	Menerangkan kepentingan pengekalan undang-undang kemanusiaan antarabangsa.	87		
	TP3	Menilai contoh pencabulan undang-undang kemanusiaan antarabangsa di negara yang berkonflik.	88		
	TP4	Menghubung kait kesan pengabaian undang-undang kemanusiaan antarabangsa dengan keamanan dan keharmonian sesebuah negara.	89		
	TP5	Menghayati dan mempamerkan aktiviti bagi menyuarakan pendapat berkaitan konflik kemanusiaan antarabangsa melalui saluran yang betul dalam kehidupan seharian.	90, 91		
	TP6	Menghayati dan mempamerkan aktiviti bagi menyuarakan pendapat berkaitan konflik kemanusiaan antarabangsa melalui saluran yang betul dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi.	91		
Tahap Penguasaan Unit 14	TP 1	TP 2	TP 3	TP 4	TP 5	TP 6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nilai Universal Bagi KSSM Pendidikan Moral

Nilai	Maksud Nilai
Kepercayaan kepada Tuhan	Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala ajaran berlandaskan pegangan agama atau kepercayaan masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara.
Bertanggungjawab	Kesanggupan diri seseorang untuk memikul dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna.
Berdikari	Kebolehan dan kesanggupan melakukan sesuatu tanpa bergantung kepada orang lain.
Harga diri	Berupaya menjaga maruah diri.
Kerajinan	Usaha yang berterusan, bersungguh-sungguh dan berdedikasi dalam melakukan sesuatu.
Berterima kasih	Perasaan dan perlakuan untuk menunjukkan pengiktirafan dan penghargaan.
Patriotisme	Bangga dan taat setia kepada raja dan negara.
Kebebasan	Bebas melakukan sesuatu tertakluk kepada peraturan dan undang-undang.
Keberanian	Kesanggupan untuk menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah.
Kejujuran	Bercakap benar, bersikap amanah dan ikhlas dalam setiap perlakuan.
Rasional	Boleh berfikir berdasarkan alasan atau bukti yang nyata dan dapat mengambil tindakan yang wajar.
Baik hati	Kepekaan terhadap keperluan dan kebajikan diri dan orang lain dengan memberikan bantuan serta sokongan moral secara ikhlas.
Hemah tinggi	Beradab sopan dan berbudi pekerti mulia.
Hormat	Menghargai dan memuliakan seseorang serta menghormati peraturan institusi sosial.
Kasih sayang	Kepekaan dan perasaan cinta yang lahir daripada hati yang ikhlas.
Kerjasama	Melakukan sesuatu bersama-sama untuk kebaikan semua.
Kesederhanaan	Bersikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan atau perlakuan tanpa mengabaikan kepentingan diri dan orang lain.
Toleransi	Bertolak ansur, sabar dan mengawal diri demi kesejahteraan hidup diri dan orang lain.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Unit 1

Pilihan Bermoral Pilihan Saya

NOTA PECUT

Cadangan Nilai:

- Rasional
- Keberanian
- Kepercayaan kepada Tuhan
- Bertanggungjawab
- Kebebasan

Aspek dan Domain Pilihan Bermoral

1. Pilihan bermoral boleh dibuat oleh setiap individu dalam beberapa aspek kehidupan.
2. Pilihan bermoral yang dibuat perlulah konsisten dan melibatkan tiga domain.

Aspek dan domain pilihan bermoral

Aspek	Domain
• Gaya hidup • Kawan • Tingkah laku • Kerjaya	• Penaakulan moral • Emosi moral • Perlakuan moral

Ciri Pilihan Bermoral

1. Mematuhi peraturan dan undang-undang.
2. Mengikut ajaran agama dan kepercayaan.
3. Mendatangkan kebaikan kepada diri dan orang lain.
4. Bertingkah laku baik, benar dan patut.

Keperluan Membuat Pilihan Bermoral

1. Melahirkan sikap hormat-menghormati.
2. Menjamin masa hadapan yang baik.
3. Meningkatkan keyakinan diri.
4. Memupuk perpaduan dan keharmonian.
5. Memelihara harga diri.
6. Meningkatkan hubungan kerjasama.

Kepentingan Mempertahankan Pilihan Bermoral

1. Dipandang tinggi oleh masyarakat.
2. Hidup sejahtera.
3. Dihormati oleh rakan.

Cabaran Membuat Pilihan Bermoral

1. Apabila seseorang berdepan dengan dilema moral, dia perlu memilih tindakan yang paling wajar antara beberapa pilihan.
2. Situasi ini boleh menyebabkan seseorang berasa keliru kerana setiap pilihan mempunyai kesan yang berbeza.
3. Oleh itu, pilihan bermoral perlu dipertimbangkan dengan teliti supaya tidak menjejaskan diri dan orang lain.

Perasaan Selepas Membuat Pilihan Bermoral

Gembira	Berjaya membuat keputusan yang baik dan tidak merugikan orang lain.
Seronok	Tindakan bermoral dapat membantu menyelesaikan sesuatu masalah dengan cara yang baik.
Puas hati	Keputusan yang dibuat selari dengan nilai moral yang diamalkan.
Bangga	Mampu mempertahankan tindakan yang betul walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran.
Tenang	Tidak melakukan perkara yang salah dan boleh menimbulkan penyesalan pada kemudian hari.

eP+ POWERPOINT

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Buku Teks ms. 4

Ciri Pilihan Bermoral

1. Lengkapkan rajah di bawah dengan menyenaraikan **empat** pernyataan yang menunjukkan ciri pilihan bermoral. SP 1.1.1 TP 1

CETUS IDEA

Mengikut semua kehendak rakan tanpa berfikir	Mematuhi peraturan dan undang-undang
Mendatangkan keuntungan kepada diri sendiri sahaja	Mengikut ajaran agama dan kepercayaan
Melakukan sesuatu tindakan negatif asalkan tidak diketahui orang lain	Bertingkah laku baik, benar dan patut
Mendatangkan kebaikan kepada diri dan orang lain	Membuat keputusan berdasarkan perasaan marah



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Keperluan Membuat Pilihan Bermoral

2. Teliti enam gambar di bawah. Kemudian, padankan setiap gambar dengan keperluan membuat pilihan bermoral yang betul. Tulis huruf jawapan pada ruang yang disediakan. SP 1.1.2 TP 2

A Menjamin masa hadapan yang baik
B Meningkatkan hubungan kerjasama
C Meningkatkan keyakinan diri
D Melahirkan sikap hormat-menghormati
E Memupuk perpaduan dan keharmonian
F Memelihara harga diri

(a)



C

Murid berani membuat pembentangan di hadapan kelas.

(b)



F

Murid memulangkan dompet yang dijumpai kepada guru walaupun tiada sesiapa melihatnya.

(c)



A

Murid menolak ajakan rakannya untuk ponteng sekolah kerana mahu berjaya dalam pelajaran.

(d)



B

Murid berbincang secara berkumpulan dan membimbing rakan lain menyiapkan tugasan.

(e)



D

Murid memberi salam dan bercakap sopan dengan warga sekolah.

(f)



E

Murid pelbagai kaum bekerjasama membersihkan kawasan sekolah.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Buku Teks ms. 6 – 7

Kepentingan Mempertahankan Pilihan Bermoral

3. Berdasarkan setiap dilema moral yang diberikan, jelaskan tindakan bermoral yang perlu dibuat oleh setiap individu.

SP 1.1.3

TP 3

KBAT Menganalisis

	Situasi	Tindakan pilihan bermoral
(a)	Haziq telah berjanji untuk menjaga meja pendaftaran semasa Hari Pendaftaran Murid Baharu di sekolahnya. Namun, pada masa yang sama, dia ternampak seorang murid Tingkatan 1 yang kelihatan keliru dan sedang mencari ibu bapanya. Dia berasa serba salah sama ada hendak terus menjaga meja pendaftaran atau membantu murid tersebut mencari keluarganya.	Haziq boleh meminta rakan atau guru bertugas menggantikannya menjaga meja pendaftaran buat sementara waktu sebelum membantu murid Tingkatan 1 tersebut mencari ibu bapanya.
(b)	Mei Ling menjumpai sebuah dompet di luar perpustakaan ketika dia hampir terlewat menaiki bas sekolah. Jika dia menyerahkan dompet itu kepada pustakawan, dia mungkin tertinggal bas. Namun, jika dia membawa dompet itu pulang dahulu, pemiliknya mungkin berasa cemas kerana kehilangan barang penting.	Mei Ling boleh menyerahkan dompet itu kepada pustakawan atau guru bertugas, tetapi dia perlu meminta bantuan rakan untuk memaklumkan kepada pemandu bas atau bantuan guru untuk menguruskan cara pulangnya.
(c)	Arjun telah diberi tanggungjawab oleh kumpulannya untuk menyiapkan bahan pembentangan Pendidikan Moral selepas waktu sekolah. Pada masa yang sama, ibunya menelefon dan meminta Arjun pulang awal kerana neneknya kurang sihat di rumah. Arjun berasa bimbang kerana dia tidak mahu mengecewakan ahli kumpulannya dan juga tidak mahu mengabaikan keluarganya.	Arjun boleh pulang awal untuk membantu ibunya menjaga nenek yang kurang sihat, tetapi dia perlu memaklumkan keadaan sebenar kepada ahli kumpulannya terlebih dahulu dan menyiapkan bahagian tugasan yang telah dipersetujui di rumah.
(d)	Siti sedang menyertai pertandingan sukan antara rumah sukan. Rakannya yang merupakan pelari utama mengalami sakit kaki, tetapi tetap mahu meneruskan larian kerana takut pasukan mereka kalah. Siti berasa serba salah sama ada hendak membiarkan rakannya bertanding demi kemenangan pasukan atau memberitahu guru tentang keadaan rakannya.	Siti boleh menyokong pasukannya dalam pertandingan, tetapi dia perlu memberitahu guru tentang keadaan rakannya yang mengalami sakit kaki supaya kemenangan pasukan dapat diusahakan melalui pelari gantian atau strategi lain.

Terima mana-mana jawapan yang munasabah

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

4. Berdasarkan cerita di bawah, lengkapkan jadual yang disediakan dengan menerangkan kepentingan mempertahankan pilihan bermoral. SP 1.1.4 TP 4

KBAT Menganalisis / Menilai

Azman ternampak sekumpulan rakan sekelasnya sedang menconteng dinding di belakang bangunan sekolah selepas waktu rehat. Mereka mengajaknya turut serta kerana menganggap perbuatan itu sekadar gurauan dan tidak akan diketahui oleh guru. Dia berasa serba salah kerana tidak mahu dianggap tidak sehaluan dengan rakan-rakannya. Namun begitu, dia tetap menolak ajakan tersebut dengan sopan. Dia menasihati mereka supaya menghentikan perbuatan itu.

Selepas itu, Azman memaklumkan kejadian tersebut kepada guru disiplin tanpa memburukkan rakan-rakannya. Guru disiplin memuji keberanian Azman kerana berani mempertahankan pilihan bermoral walaupun berdepan dengan tekanan rakan sebaya. Beberapa orang rakannya mula sedar bahawa perbuatan mereka bukan sahaja menyusahkan pihak sekolah, malah boleh merugikan diri sendiri. Mereka akhirnya meminta maaf dan berjanji untuk menjaga kemudahan sekolah dengan lebih bertanggungjawab.

	Kepentingan mempertahankan pilihan bermoral	Huraian
(a)	Hidup sejahtera	Azman berasa lebih tenang kerana tidak terlibat dalam perbuatan merosakkan harta sekolah.
(b)	Dihormati oleh rakan	Rakan-rakan mula menghargai pendirian Azman yang tidak mudah dipengaruhi.
(c)	Dipandang tinggi oleh masyarakat	Guru disiplin memuji keberanian Azman melaporkan kesalahan secara berhemah.

Terima mana-mana jawapan yang munasabah

Pendidikan Sivik

Nilai Teras : Bertanggungjawab
Tajuk : Pelbagai Isu yang Memerlukan Pilihan Bermoral
Konteks : Diri, Keluarga, Sekolah, Masyarakat

Literasi Sivik

Pengetahuan : Memahami pelbagai isu yang memerlukan pilihan bermoral.
Sosioemosi : Mengekspresikan perasaan yakin dan bertanggungjawab apabila membuat pilihan bermoral berdasarkan kesan serta kepentingan diri dan orang lain.
Tindakan : Membuat keputusan yang wajar dalam pelbagai isu kehidupan harian dengan mempertimbangkan sebab dan akibat serta kesan pilihan terhadap diri, keluarga, sekolah dan masyarakat.

Aktiviti:

1. Guru membahagikan murid kepada beberapa kumpulan sebelum hari pelaksanaan aktiviti.
2. Setiap kumpulan memilih satu isu yang memerlukan pilihan bermoral seperti pilihan kerjaya, pemilihan sahabat, pemilihan jurusan akademik, pengaruh media sosial atau gaya hidup.
3. Murid mencari maklumat awal menggunakan alat AI seperti *ChatGPT*, *Gemini*, *Copilot* atau *Canva* AI.
4. Murid berbincang dalam kumpulan tentang sebab dan akibat sesuatu pilihan yang dibuat serta kesan pilihan tersebut terhadap diri, keluarga, sekolah dan masyarakat.
5. Murid menghasilkan pelbagai bentuk peta pemikiran mengikut hasil perbincangan.
6. Setiap kumpulan membentangkan hasil kerja dan mengikuti sesi soal jawab.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Soalan Struktur [10 *markah*]

5. Berdasarkan situasi yang diberi, jawab soalan-soalan yang berikutnya. TP 5 TP 6

SP 1.1.3 1.1.4 1.1.5

KBAT EKSTRA

Jia Keong sedang berjalan pulang dari kedai bersama rakan-rakannya. Dalam perjalanan, dia ternampak seorang jiran warga emas, Nenek Mei Lan, terjatuh ketika membawa beberapa beg barang. Barang-barang yang dibawanya bertaburan di tepi jalan dan Nenek Mei Lan kelihatan sukar untuk bangun semula.

Rakan-rakannya mengajak Jia Keong terus pulang kerana hari semakin gelap dan hujan hampir turun. Jia Keong berasa serba salah kerana dia juga mahu segera sampai di rumah. Namun begitu, dia sedar bahawa Nenek Mei Lan mungkin cedera dan memerlukan bantuan segera. Jia Keong berada dalam dilema sama ada hendak terus pulang bersama rakan-rakannya atau berhenti untuk membantu jiran warga emas tersebut.

(a) Wajarkah Jia Keong terus pulang bersama rakan-rakannya tanpa membantu Nenek Mei Lan? Berikan **dua** sebab bagi jawapan anda.

KBAT Menilai

- Tidak wajar
- Nenek Mei Lan mungkin cedera dan memerlukan bantuan segera
- Membiarkan warga emas dalam kesusahan ialah perbuatan yang tidak prihatin

[3 *markah*]

(b) Jika anda Jia Keong, nyatakan **tiga** pilihan bermoral yang akan anda ambil. Jelaskan **dua** perasaan anda apabila membuat pilihan tersebut.

(i) Tiga pilihan bermoral yang akan saya ambil ialah:

KBAT Mengaplikasi

- Berhenti untuk membantu Nenek Mei Lan bangun dengan berhati-hati
- Mengutip barang-barang yang bertaburan di tepi jalan
- Meminta bantuan orang dewasa atau menghubungi ahli keluarga Nenek Mei Lan

[3 *markah*]

(ii) Dua perasaan saya apabila membuat pilihan tersebut ialah:

KBAT Menilai

- Lega kerana dapat membantu orang yang berada dalam kesusahan
- Gembira kerana berani membuat pilihan bermoral walaupun diajak oleh rakan-rakan untuk terus pulang

[2 *markah*]

(c) Bagaimanakah Jia Keong dapat mempertahankan pilihan bermoral apabila rakan-rakannya mengajaknya terus pulang? Berikan **dua** cara berserta huraian.

KBAT Mengaplikasi

(i) Menjelaskan kepada rakan-rakan bahawa Nenek Mei Lan memerlukan bantuan segera supaya mereka menyedari bahawa keselamatan warga emas lebih penting

KUIZ GAMIFIKASI

(ii) Tetap berhenti untuk membantu Nenek Mei Lan walaupun diajak oleh rakan untuk terus pulang kerana berani mempertahankan pilihan yang betul dan tidak mudah terpengaruh dengan ajakan rakan

[2 *markah*]

Terima mana-mana jawapan yang munasabah

Tahap Penguasaan Unit 1 TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis Soalan Esei

1. Situasi di bawah berkaitan dengan masalah obesiti yang dihadapi oleh Farid.

KBAT
Menilai

Farid suka membeli makanan segera dan minuman manis setiap hari selepas waktu sekolah. Tabiat pemakanan tersebut berterusan walaupun dia sering ditegur oleh ibu bapanya. Lama-kelamaan, berat badannya semakin meningkat sehingga dia mudah berasa letih semasa melakukan aktiviti harian dan kurang yakin untuk menyertai aktiviti sukan di sekolah. Bimbang akan keadaan kesihatannya, dia akhirnya berjumpa dengan doktor untuk membuat pemeriksaan. Doktor menasihatinya supaya mengurangkan pengambilan makanan berlemak dan manis serta melakukan aktiviti fizikal secara berkala. Namun begitu, Farid masih sukar mengubah tabiat tersebut kerana dia sangat menggemari makanan segera dan minuman manis.

Pada pendapat anda, apakah tindakan pilihan bermoral yang patut dilakukan oleh Farid? Jelaskan jawapan anda berdasarkan nilai universal yang telah dipelajari.

Watak: Farid

Nilai: Nilai rasional, nilai bertanggungjawab, nilai kebebasan, nilai keberanian, nilai kepercayaan kepada Tuhan

F1 Menerima nasihat doktor

H1 Nasihat tersebut dapat membantunya mengawal masalah berat badan dengan cara yang betul.

F2 Mengurangkan pengambilan makanan kurang berkhasiat secara berperingkat

H2 Membelikan makanan segera hanya sekali-sekala supaya pengambilan lemak, gula dan kalori berlebihan dapat dikawal.

F3 Memilih makanan yang lebih seimbang

H3 Menggantikan makanan segera dengan hidangan yang seimbang supaya tubuh badannya mendapat nutrien yang mencukupi.

F4 Melakukan aktiviti fizikal yang sesuai

H4 Bersenam mengikut kemampuan untuk membakar kalori, meningkatkan stamina dan menjadikan tubuh badan lebih cergas.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Pentaksiran Pertengahan Tahun

Masa: Dua jam

SKOR /60

Bahagian A
[20 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1. Antara berikut, yang manakah merupakan contoh emosi moral?
- **A** Menyelesaikan sesuatu masalah melalui perbincangan yang rasional
- **B** Membantu guru mengangkat buku
- **C** Berasa takut kerana melanggar peraturan sekolah
- **D** Berfikir secara kreatif dan bersikap positif setiap hari

2. Apakah nilai universal yang perlu diamalkan untuk memastikan pilihan bermoral yang dibuat dapat memberikan kebaikan?
- **A** Nilai kebebasan
- **B** Nilai keberanian
- **C** Nilai bertanggungjawab
- **D** Nilai kepercayaan kepada Tuhan

3. Apakah anugerah alam ciptaan Tuhan yang menakjubkan tanda kebesaran Tuhan?
- **A** Kehijauan hutan
- **B** Tasik yang indah
- **C** Keunikan gua
- **D** Banjaran gunung

4. Apakah kesan jika setiap manusia berusaha mengekalkan anugerah alam ciptaan Tuhan?
- **A** Pencemaran alam
- **B** Kerosakan alam sekitar
- **C** Kepupusan flora dan fauna
- **D** Peningkatan sumber tenaga

5. Bagaimanakah cara anda dan keluarga menghargai anugerah alam ciptaan Tuhan?
- **A** Menguatkuasakan undang-undang alam sekitar
- **B** Mengelakkan diri daripada melakukan sebarang kerosakan terhadap anugerah alam ciptaan Tuhan
- **C** Menubuhkan badan atau agensi yang bertanggungjawab menjaga alam sekitar
- **D** Mengadakan kempen kesedaran tentang cara menghargai anugerah alam ciptaan Tuhan

6. Pilih pernyataan yang paling tepat tentang murid yang dianggap mempunyai kebestarian diri yang sempurna.
- **A** Mempunyai pengetahuan luas dan budi pekerti mulia
- **B** Tidak mempunyai pengetahuan luas dan budi pekerti mulia
- **C** Mempunyai pengetahuan luas tetapi tidak mempunyai budi pekerti mulia
- **D** Tidak mempunyai pengetahuan luas tetapi mempunyai budi pekerti mulia

7. Apakah contoh amalan yang dapat mendisiplinkan diri dalam kalangan murid?
- **A** Cekal dalam menghadapi cabaran hidup
- **B** Bersikap tidak serius dalam setiap tindakan yang diambil
- **C** Mudah berasa marah dan sering bertindak mengikut perasaan
- **D** Memberikan pelbagai alasan apabila menghadapi kegagalan

8. Maklumat berikut menunjukkan contoh amalan tradisi kekeluargaan yang diamalkan oleh suatu kaum.

- Bersalam sambil mencium tangan orang yang lebih tua
- Membongkokkan badan apabila lalu di hadapan orang

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

18. Sifat-sifat berikut perlu ada pada setiap idea baharu yang dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan awam, **kecuali**

A inovatif
B fleksibel
C praktikal
D kos yang mahal

19. Kualiti perkhidmatan awam dapat ditingkatkan melalui pembayaran bil perkhidmatan awam secara _____.

A telesidang
B bersemuka
C dalam talian
D sistem biometrik

20. Berdasarkan piagam pelanggan Polis Diraja Malaysia, tindakan susulan kepada semua aduan yang diterima secara rasmi akan diambil dalam tempoh _____ hari bekerja dari tarikh penerimaan.

A satu
B dua
C tiga
D lima

Bahagian B
[20 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1. Nyatakan ciri-ciri kebestarian diri berdasarkan situasi yang diberikan.

Berdaya tahan | Bijak | Matang | Bertanggungjawab | Berdisiplin

(a) Anthony merupakan seorang pengawas sekolah dan dia menjalankan tanggungjawabnya dengan penuh wibawa.	Bertanggungjawab
(b) Alice mampu berfikir secara kritis dan bersikap inovatif semasa merumuskan hasil eksperimen yang dijalankan di makmal sekolah.	Bijak
(c) Siti sering menghadiri aktiviti kokurikulum agar dapat mendidik diri ke arah yang lebih positif.	Berdisiplin
(d) Encik Haikal sering menyumbang idea yang bernas semasa berbincang dengan rakan-rakan sekerja untuk membuat sesuatu keputusan demi kepentingan syarikat.	Matang
(e) Danial mempunyai kecekalan dan keyakinan diri yang tinggi semasa mengambil bahagian dalam aktiviti mendaki bukit.	Berdaya tahan

[5 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Pentaksiran Akhir Tahun

Masa: Dua jam

SKOR /60

Bahagian A
[20 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1. Antara berikut, pernyataan yang manakah betul tentang ciri pilihan bermoral?

A Bertingkah laku baik hanya apabila diperhatikan orang lain
B Membuat keputusan yang menyenangkan rakan walaupun kurang wajar
C Bertingkah laku baik, benar dan patut
D Memilih tindakan yang sopan tetapi tidak berasaskan kebenaran

2. Situasi yang berikut berkaitan dengan amalan pilihan bermoral.

> Azman menolak ajakan rakannya untuk meniru semasa ujian walaupun dia dipujuk berkali-kali. Dia tetap memilih untuk menjawab dengan jujur dan tidak mengambil kesempatan untuk memperoleh markah yang tinggi dengan cara yang tidak betul.

Berdasarkan situasi tersebut, apakah kesan apabila Azman mempertahankan pilihan bermoral?

A Dia dapat membuktikan dirinya lebih baik daripada orang lain
B Dia dapat hidup lebih sejahtera dan dihormati
C Dia tidak mudah dipersalahkan apabila berlaku masalah
D Keputusannya akan sentiasa diterima oleh rakan-rakan

3. Antara berikut, yang manakah contoh anugerah alam ciptaan Tuhan?

A Banjaran gunung
B Taman rekreasi berlandskap semula jadi
C Empangan air buatan manusia
D Kebun bunga di kawasan perumahan

4. Kesan jika anugerah alam ciptaan Tuhan diabaikan ialah _____.

A kawasan alam semula jadi menjadi tarikan pelancong
B haiwan liar berpindah ke kawasan yang lebih sesuai
C manusia dapat menggunakan lebih banyak kawasan untuk pembangunan
D flora dan fauna akan pupus

5. Pernyataan yang berikut berkaitan dengan kebestarian diri Si Ying.

> Si Ying sering menyiapkan tugasan mengikut jadual, mendengar nasihat guru dan berusaha memperbaiki kelemahan diri.

Apakah ciri kebestarian diri yang diamalkan olehnya?

A Rajin apabila diberi ganjaran
B Yakin diri tetapi sukar menerima teguran
C Berani mencuba tetapi mudah meninggalkan tugas
D Berdisiplin

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

18. Maklumat yang berikut menunjukkan contoh tradisi masyarakat majmuk di Malaysia.

Melayu	: Baju Melayu, ketupat, Hari Raya Aidilfitri
Cina	: Cheongsam, kuih bulan, Tahun Baharu Cina
India	: Sari, tosai, Deepavali

Mengapakah tradisi masyarakat majmuk di atas penting kepada negara?

A Menjadi identiti dan khazanah negara yang perlu dihargai
B Menarik perhatian pelancong semata-mata
C Menjadikan sesuatu kaum lebih dikenali daripada kaum lain
D Mengekalkan adat lama tanpa menyesuaikannya dengan masyarakat kini

19. _____ perlu dilindungi dalam undang-undang kemanusiaan antarabangsa.

A Tentera yang masih aktif menyerang pihak lawan
B Pihak yang menggunakan kekerasan terhadap orang awam
C Tawanan perang
D Individu yang menyalahgunakan bantuan kemanusiaan

20. Pilih pernyataan yang paling tepat tentang kesan negatif jika undang-undang kemanusiaan antarabangsa tidak dipatuhi.

A Orang awam boleh menjadi mangsa konflik
B Bantuan kemanusiaan hanya boleh diberi oleh pihak tertentu sahaja
C Pihak yang berkonflik akan mengambil masa yang lebih untuk berunding
D Kawasan konflik menjadi lebih sukar dikawal oleh pihak berkuasa

Bahagian B

[20 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1. Nyatakan ciri kebestarian diri yang betul berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan.

Bijak | Berdisiplin | Berdaya tahan | Matang | Aktif

(a) Tidak mudah mengalah apabila berhadapan dengan masalah atau cabaran. — Berdaya tahan

(b) Membuat pertimbangan yang wajar menggunakan akal sebelum mengambil sesuatu keputusan. — Bijak

(c) Melibatkan diri secara bersungguh-sungguh dalam aktiviti yang bermanfaat. — Aktif

(d) Sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan. — Berdisiplin

(e) Mampu menggunakan pengetahuan dan pengalaman untuk bertindak dengan lebih baik. — Matang

[5 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.